

Memorandum

No. Ruj. : USM.75/25 Jld.XIII
Tarikh : 22 Oktober 2025
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 47 TAHUN 2025

- PENGEMASKINIAN STATUS STAF ORANG KURANG UPAYA (OKU) KE DALAM SISTEM MAKLUMAT UNIVERSITI STAF (SMUS)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan komitmen Universiti Sains Malaysia (USM) dalam memperkukuhkan polisi pengurusan OKU Universiti dan memastikan rekod staf sentiasa dikemas kini, staf yang **memiliki Kad OKU yang didaftarkan** melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dimohon untuk mengemas kini maklumat status OKU masing-masing.

3. Bagi tujuan tersebut, staf hendaklah **mengemukakan salinan Kad OKU** kepada **Unit Pembangunan Organisasi (UPO)** untuk direkodkan secara rasmi dalam **Sistem Maklumat Universiti Staf (SMUS)** melalui e-mel kepada pegawai seperti berikut:

Bil.	Nama Pegawai	Alamat E-mel	No. Telefon
i.	Cik Noor Farina Natasa binti Mohamad Kamal	farinakamal@usm.my	04-635 6092
ii.	Puan Hanah Masturah binti Abd Kadir	hmasturah@usm.my	04-653 6092

4. Pengemaskinian maklumat ini amat penting bagi membolehkan pihak Universiti merancang dan melaksanakan inisiatif kebajikan, kemudahan, serta sokongan yang bersesuaian kepada staf OKU. Langkah ini juga sejajar dengan aspirasi USM untuk mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif, prihatin dan mesra OKU.

5. Kerjasama dan perhatian staf yang terlibat amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k Pendaftar